

30 SEP 2002

Hamid-Ireland (Bergambar)

MALAYSIA, IRELAND SEPENDAPAT PERANG BUKAN CARA SELESAI SENGKETA

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Malaysia dan Ireland berkongsi pendirian bahawa peperangan bukanlah cara terbaik untuk menyelesaikan sebarang konflik atau persengketaan.

Kedua-duanya negara percaya bahawa cara terbaik untuk menyelesaikan sebarang masalah sama ada domestik atau antarabangsa ialah melalui dialog dan diplomasi, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata pendirian itu disuarakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Ireland Mary MacAleese ketika pertemuan mereka selama 40 minit di sini hari ini.

MacAleese yang diiringi suaminya, Dr Martin MacAleese, kini dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke Malaysia bersama delegasi 55 orang. Mereka tiba semalam.

"Beliau (MacAleese) dan Dr Mahathir menganggap bahawa peperangan tidak menyelesaikan masalah. Hanya dengan pendekatan dialog dan proses multilateral masalah dapat diselesaikan," kata Syed Hamid.

Yang turut hadir pada pertemuan itu ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Duta Ireland ke Malaysia, Daniel Mulhall dan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman selaku menteri pengiring.

Ireland mempunyai sejarah hubungan yang lama dengan Malaysia terutamanya dalam sektor pendidikan. Negara itu merupakan satu daripada destinasi pilihan untuk pelajar Malaysia khususnya dalam bidang perubatan.

Jumlah dagangan dua hala pula berjumlah RM6.5 bilion. Di kalangan negara-negara Asia Tenggara, Malaysia adalah rakan dagang utama Ireland dan juga merupakan pasaran ketiga terpenting bagi Ireland di luar Kesatuan Eropah.

Terdahulu, MacAleese turut menerima kunjungan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong, Tengku Fauziah Abdul Rashid.

-- BERNAMA

RBZ AHH MAI